

Headline	Penghargaan cinta botani Engkik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	11	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	564 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,249
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,748



# Penghargaan cinta botani Engkik

Oleh **NURUL ANUAR KARI**

anuar.kari@utusan.com.my

**PADA** 3 Disember lalu berlangsung majlis Penyampaian Anugerah Merdeka 2012.

Pemenang anugerah berprestij pada tahun ini ialah tokoh cendekiawan negara, Prof. Tan Sri Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 81. Beliau menerima anugerah Pencapaian Ilmuwan Terunggul.

Selain itu tokoh saintis, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Augustine Ong Soon Hock, 78, (Kesihatan, Sains dan Teknologi) serta saintis dan ahli ekologi, Dr. Engkik Soepadmo, 76, (Sumbangan Cemerlang Kepada Rakyat Malaysia).

Engkik masih berkhidmat di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Berasal dari Indonesia, beliau telah menyumbangkan 44 tahun hidupnya untuk penyelidikan dan pemeliharaan kepelbagaian flora hutan hujan tropika yang kompleks di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

"Saya amat terharu dan sangat berbesar hati kerana tidak menjangka akan terpilih untuk Anugerah Merdeka ini. Bidang kerjaya ini juga bukannya begitu dikenali ramai.

"Saya katakan kepada saintis-saintis muda lain bahawa anugerah ini bukan kemenangan peribadi tetapi pengiktirafan kepada kerja yang dijalankan dalam bidang ini sejak lebih 40 tahun lalu," katanya.

Malangnya, tiada ahli keluarga yang mengikut jejak langkah beliau dalam bidang botani kerana Engkik mahu anak-anaknya mengikut cita-cita mereka sendiri tetapi beliau tetap bangga dapat melatih ramai saintis muda negara ini dalam bidang botani.

"Untuk hadiah wang tunai RM500,000 itu, saya ada rancangan untuk dermakan sebahagian daripadanya kepada FRIM sebagai galakan kepada saintis-saintis muda menyambung dan melakukan kerja-kerja penyelidikan botani.

"Saya berharap mereka dapat mencapai sesuatu lebih tinggi daripada apa yang saya telah perolehi sehingga kini," ujarnya.

Dilahirkan pada 1936 di sebuah kampung di Solo, Indonesia, beliau didedahkan kepada kehijauan alam sejak kecil termasuk ketika di sekolah rendah dan menengah sehinggalah di peringkat kolej.

Zaman sekolahnya menghadapi kesukaran besar bukan sahaja akibat perang dunia kedua dan perang kemerdekaan Indonesia, malahan bapanya meninggal dunia ketika di tahun akhir sekolah menengah.

"Saya mulanya mahu menjadi seorang doktor perubatan kerana kampung kami tiada klinik kerajaan dan kanak-kanak di sana, termasuk saya, semuanya kekurangan zat.

"Malangnya, kos belajar perubatan amat tinggi walaupun jika keputusan sekolah amat baik, tambahan pula saya perlu membantu ibu membesarkan dua orang adik yang masih kecil," jelasnya.

Engkik menceritakan ketika zaman itu, Taman Botani Bogor menghadapi masalah kerana pakar-pakar mereka dari Belanda, Rusia dan Perancis memilih untuk pulang ke negara masing-masing dan ini meninggalkan banyak kekosongan di institusi tersebut.

Oleh itu, sebuah kolej biologi dibentuk khusus untuk melatih saintis bagi menguruskan taman botani itu dan beliau merupakan antara 30 pelajar pertama terpilih.

"Saya memilih untuk ke sana kerana semuanya disediakan, tidak perlu membayar apa-apa dan dijamin pekerjaan selepas tiga tahun belajar.

"Kerja itu penting untuk saya membantu ibu membesarkan adik-adik. Walaupun asalnya mahu menjadi doktor perubatan, lama-kelamaan saya mula 'mencintai' bidang ini," katanya.

Sepanjang tiga tahun di kolej tersebut, Engkik dikelilingi tumbuhan hijau memandangkan hostel tempat beliau tinggal di Bogor betul-betul di dalam taman botani yang dikelilingi hutan menghijau.

Menurut beliau, mentornya ketika itu menyatakan tumbuh-tumbuhan perlu dilayan seperti mana-mana hidupan lain mahupun seperti manusia.

"Tak kenal maka tak cinta, seperti mana kenal dan cinta teman wanita kamu, begitu juga perlu kenal dan cinta tumbuh-tumbuhan. Itu kata-kata mentor saya ketika itu.

"Saya dipaksa berjalan dalam taman itu dan mengenali sekurang-kurangnya satu tumbuhan setiap minggu. Dengan kertas dan pensel, saya catatkan rupa dan ciri pokok-pokok kerana tidak mampu membeli

kamera," ujarnya.

Di tahun akhir pendidikan kolej, beliau menyertai ekspedisi ke beberapa tempat di Sumatera dan Kalimantan dan tinggal di dalam hutan selama dua bulan. Kemudian, beliau menyertai lawatan anjuran pejabat Pertubuhan Kebudayaan, Sains dan Pendidikan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Indonesia ke Kuching, Miri dan Bintulu.

Headline	Penghargaan cinta botani Engkik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	11	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	564 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,249
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,748

Engkik pertama kali menjejakkan kaki ke Semenanjung Tanah Melayu pada 1962, juga melalui lawatan anjuran UNESCO ke Sungai Pertam dekat Gua Musang selama tiga minggu.

“Ketika di Kelantan, saya terima berita baik daripada kedutaan British di Indonesia memaklumkan saya dipilih melanjutkan pelajaran di Universiti Cambridge, United Kingdom. “Saya menamatkan pengajian hingga tahap Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Cambridge tetapi kemudian berdepan pilihan sukar sama ada balik ke Indonesia untuk meneruskan tugas atau ke tempat lain,” jelasnya.

Beliau bagaimanapun menerima tawaran felo daripada Universiti Leiden, Belanda selama dua tahun dan ketika di sana Engkik mendapat tahu tentang kekosongan jawatan pensyarah botani di Universiti Malaya (UM), Malaysia.

“Melihatkan situasi politik dan ekonomi di Indonesia ketika itu, saya memilih keputusan sukar demi masa depan anak dan memulakan tugas di UM pada Mac 1968.

“Di UM, kami berjaya melatih ramai saintis muda dalam penyelidikan botani dan mereka kini menjadi profesor di universiti-universiti seluruh negara untuk meneruskan kerja kami,” katanya.

Malangnya, beliau merasakan ramai bekas pelajarinya kini tidak dapat bergerak seperti generasinya dahulu kerana mereka banyak dibebani kuliah dan tugas pengurusan ber-

banding zamannya yang banyak menghabiskan masa di hutan daripada di pejabat.

Untuk meneruskan latihan generasi pelapis, beliau menggerakkan program kerjasama selama lima tahun antara UM dengan universiti luar negara sejak 1970 seperti bersama Universiti Kyoto, Jepun dan kemudiannya Universiti Aberdeen, Scotland.

“Program kerjasama sedemikian bukan sahaja membantu penyelidik luar meneruskan kajian mereka malahan kita meng-

gunakan pakar botani dari luar melatih saintis muda negara ini.

“Saintis-saintis muda itu kini telah menjadi pengarah di jabatan alam sekitar, pegawai FRIM serta pensyarah universiti, dan ini menyumbang kepada tenaga kerja untuk meneruskan penyelidikan dan pengurusan sumber hutan Malaysia,” ujarnya.

Hasil sumbangan beliau sejak sekian lama, Engkik berjaya menemui 56 spesies tumbuhan baru di Asia Tenggara termasuk di Malaysia, dan enam daripadanya telah dinamakan sempena namanya seperti *Vatica soepadmoi* dan *Syzygium soepadmoi*.

“Saya berterima kasih kepada rakan-rakan yang memberikan anugerah kekal itu. Saya tidak akan hidup selama-lamanya seperti nama tumbuhan itu tetapi saya berharap akan ada orang untuk meneruskan kerja ini kelak.

Selain lebih 100 bahan terbitan tulisannya sebelum ini, beliau turut bertanggungjawab ke atas katalog FRIM untuk flora di Sabah dan Sarawak dengan tujuh jilid buku telah diterbitkan sementara tiga jilid lagi masih dalam proses disiapkan.

“Masih banyak kerja perlu dilakukan, dokumentasi ini penting bagi merekodkan apa yang kita ada. Jika tidak, kita tidak akan tahu apa yang hilang kelak jika berlaku sesuatu.

“Saya harap dapat siapkan semuanya dalam jangka hayat saya atau ada orang lain yang dapat menyambunginya sehingga selesai. Bila buku-buku ini siap kelak, Malaysia akan jadi antara yang terbaik di dunia dalam merekodkan kepelbagaian floranya,” jelasnya.

**“Saya berterima kasih kepada rakan-rakan yang memberikan anugerah kekal itu. Saya tidak akan hidup selama-lamanya seperti nama tumbuhan itu tetapi saya berharap akan ada orang untuk meneruskan kerja ini kelak.**

Headline	Penghargaan cinta botani Engkik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	11	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	564 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,249
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,748



**ENKIK Soepadmo menunjukkan buku tentang flora Sabah dan Sarawak.**